

MB Perak sedia terus projek BN

Oleh Shamsul Kamal
Amarudin

KUALA KANGSAR: Kerajaan campuran DAP, Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Pas akan meneruskan dasar dan amalan pentadbiran kerajaan Barisan Nasional (BN) kecuali yang dianggap tidak baik.

Menteri Besar Perak yang baru dilantik, Mohammad Nizar Jamaluddin, berkata semua projek dan pelan pembangunan yang dirangka oleh kerajaan negeri terdahulu, sekiranya memberi faedah kepada rakyat, juga akan diteruskan.

"Saya sekali-kali tidak menidakan peranan kerajaan terdahulu, malah mengucapkan ribuan terima kasih kepada bekas Menteri Besar, Datuk Seri Mohd, Tajol Rosli Ghazali, dalam usaha membangunkan serta menjadikan negeri ini sejahtera.

"Pejabat saya juga sentiasa terbuka untuk menerima mana-mana Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) BN bagi memberi pandangan dalam membangunkan negeri ini," katanya pada sidang media pertama selaku Menteri Besar di Resort Sungai Perak, di sini, semalam,

Terdahulu, beliau menerima wafat dan mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Perak ke-10 di hadapan Pemangku Sultan Perak, Raja Dr Nazrin Shah di Istana Iskandariah di sini.

“Pejabat saya sentiasa terbuka untuk menerima mana-mana Adun BN bagi memberi pandangan”

**Mohammad Nizar
Jamaluddin**
Menteri Besar Perak

Mohammad Nizar berkata, keutamaan kerajaan negeri ialah kebajikan dan kesejahteraan rakyat dengan melaksanakan manifesto pilihan raya yang ditawarkan kerajaan campuran, secara berperingkat.

Beliau juga berkata, kedudukan Ahli Majlis dalam pihak berkuasa tempatan (PBT) sekarang yang keseluruhannya terdiri daripada ahli politik akan dikaji semula selaras dengan cadangan kerajaan campuran mahu satu pertiga daripadanya diisi golongan profesional, peniaga dan ahli akademik.

Kerajaan negeri baru turut mengikut tindakan kerajaan Pulau Pinang, dengan membatalkan semua saman letak kereta dan kompaun penjaja sehingga, semalam.

Katanya, tawaran itu diberikan sekali saja sebagai penghargaan kepada penduduk negeri yang menyokong pakatan ketiga-tiga parti, yang bermakna orang ramai masih perlu membayar saman jika kenderaan mereka dikenakan kompaun mulai hari ini.

Mohammad Nizar juga berkata, semua ketua kampung dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang sedang berkhidmat sekarang berfungsi seperti biasa selagi perkhidmatan mereka belum ditamatkan.

"Selepas itu kerajaan negeri akan mengkaji kedudukan mereka dan akan dibenarkan terus memegang jawatan jika sanggup, bekerja di bawah kepimpinan kerajaan negeri yang baru serta bersedia menerima dasar dan syarat ditetapkan," katanya.

Mengenai pelantikan Exco kerajaan negeri, beliau akan berbincang dengan pemimpin ketiga-tiga parti dan kekal dengan agihan enam jawatan Exco Untuk DAP, tiga (PKR) serta satu untuk Pas.

Majlis angkat sumpah dijangka diadakan seawal minggu depan.